

---

# Dokumen Panduan Pengurusan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) di Ladang Kelapa Sawit Mapan untuk Pekebun Kecil

---

Penanaman Sedia Ada  
(Fasa 3 dan 4)

Tajuk Dokumen : Dokumen Panduan Pengurusan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) di Ladang Kelapa Sawit Mapan untuk Pekebun Kecil (Penanaman Sedia Ada: Fasa 3 dan 4)

Kod Dokumen : RSPO-GUI-T06-007 V2 MAY

Kelulusan : RSPO Standards Standing Committee (SSC) (28 April 2022)

E-mel : [smallholder@rspo.org](mailto:smallholder@rspo.org)



# ISI KANDUNGAN

MUKADIMAH.....	1
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG.....	3
BAHAGIAN 2: GAMBARAN KESELURUHAN .....	4
BAHAGIAN 3: FASA 3 – PENGUMPULAN MAKLUMAT .....	4
BAHAGIAN 4: FASA 4 – AMALAN BERJAGA-JAGA.....	6



## Mukadimah

---

Prosedur amalan berjaga-jaga ini menggariskan pendekatan HCV yang dipermudahkan untuk pekebun kecil dan menyediakan panduan prosedur khusus untuk Fasa 3 dan 4. Ia terpakai untuk penanaman kelapa sawit yang mapan (telah lama ditanam atau sedia ada).

Pendekatan ini didasarkan dan menyatukan metodologi HCV untuk pekebun kecil yang terdahulu dibangunkan oleh Conservation International (CI), Rangkaian Sumber HCV (HCVRN) dan Program SHARP. Pada Februari 2015, kedua-dua Kumpulan Kerja Biodiversiti dan HCV (BHCV) dan Kumpulan Kerja Pekebun Kecil (SH) telah memperakui ujian lapangan terkawal bagi pendekatan HCV yang disatukan dan dipermudahkan yang menggabungkan elemen metodologi HCVRN dan CI. Percubaan di lapangan dengan rakan kongsi, yang diselaraskan oleh SHARP dan HCVRN, telah dijalankan di empat (4) tapak yang berbeza di Ghana, Honduras, Indonesia dan Tanzania. RSPO juga telah menjalankan percubaan lapangan berdasarkan metodologi HCV yang dibangunkan oleh CI, dengan rakan kongsi di Thailand, Indonesia, Malaysia dan Ghana.

Satu pasukan petugas dengan ahli daripada kedua-dua kumpulan kerja RSPO telah ditubuhkan pada Mac 2015 untuk menyelia perkembangan lanjut proses tersebut. Keputusan ujian lapangan telah dibincangkan dengan pasukan petugas dan input juga diminta melalui perundingan individu dengan kebanyakan ahli pasukan petugas tersebut.

Prosedur terakhir pekebun kecil untuk memenuhi keperluan RSPO bagi penanaman sedia ada yang diterangkan dalam dokumen ini telah diperakui oleh Kumpulan Kerja BHCV dan SH pada November 2015; dan telah dikemas kini pada April 2018 untuk mengambil kira hakikat bahawa satu aplikasi kini tersedia untuk membimbing pengguna melalui prosedur itu, dan sekali lagi pada Februari 2022 untuk menangani kebolehgunaan dokumen tersebut untuk kedua-dua pekebun kecil bebas dan pekebun kecil skim.

### Adakah ini dokumen yang sesuai untuk anda?

Dokumen ini adalah manual yang menerangkan langkah-langkah dalam Fasa 3 dan 4 Pendekatan HCV yang dipermudahkan RSPO untuk **penanaman kelapa sawit sedia ada**. Anda sepatutnya telah melengkapkan Fasa 1 dan 2 (seperti yang dijelaskan dalam 'Dokumen Panduan Pendekatan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) yang Dipermudahkan untuk Pekebun Kecil di RSPO – Dokumen Pengenalan (Fasa 1 dan 2)') sebelum menggunakan manual ini.

Jika ada ahli kumpulan yang merancang untuk mengembangkan ladang mereka, manual ini tidak terpakai kepada mereka. Bagi ahli tersebut, proses penanaman baharu yang digariskan dalam 'Dokumen Panduan Pendekatan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) yang Dipermudahkan untuk Pekebun Kecil di RSPO – Prosedur HCV untuk Penanaman Baharu (Fasa 3 dan 4)' mesti digunakan.

#### Kotak 1: Apakah proses yang perlu saya ikuti untuk ladang sedia ada yang diperakui yang mempunyai pengembangan baharu?

Jika anda telah melengkapkan pensijilan untuk penanaman sedia ada untuk ahli anda dan anda tahu bahawa mereka kini ingin membuat pengembangan, anda boleh meneruskan ke Dokumen Panduan Pendekatan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) yang Dipermudahkan untuk Pekebun Kecil di RSPO – Prosedur HCV untuk Penanaman Baharu (Fasa 3 dan 4).



**Adakah anda datang ke sini dari proses penanaman baharu Fasa 3?**

*Jika anda datang ke sini dari proses penanaman baharu Fasa 3 untuk panduan mengurus dan memantau HCV di penanaman yang baru dimulakan, sila teruskan ke Fasa 4, Langkah 2 'Dialog'.*

*Semua panduan tambahan untuk pengurus kumpulan yang telah mengaplikasikan proses penanaman baharu yang digariskan dalam Dokumen Panduan Pendekatan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) yang Dipermudahkan untuk Pekebun Kecil di RSPO - Prosedur HCV untuk Penanaman Baharu (Fasa 3 dan 4), telah dibentangkan dalam kotak-kotak di dalam dokumen ini.*

**Saya telah memulakan proses pensijilan, apakah yang perlu saya lakukan?**

RSPO mengakui bahawa sesetengah kumpulan mungkin telah disijilkan atau telah memulakan proses pensijilan untuk sesetengah ahli. Dalam kes ini, anda boleh sama ada:

1. Mula di Fasa 2 dalam Dokumen Panduan Pendekatan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) yang Dipermudahkan untuk Pekebun Kecil di RSPO – Dokumen Pengenalan (Fasa 1 dan 2): menggunakan aplikasi mudah alih untuk memetakan ladang ahli dan kemudian menggunakan papan pemuka untuk menjana peta dan senarai ahli-ahli tersebut; atau
2. Terus ke penanaman sedia ada Fasa 4 untuk melaksanakan amalan berjaga-jaga [Dokumen Panduan Pengurusan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) di Ladang Kelapa Sawit Mapan untuk Pekebun Kecil (Penanaman Sedia Ada: Fasa 3 dan 4)].

Kami amat mengesyorkan untuk menggunakan Pilihan 1 kerana peta dan senarai ahli yang merupakan sebahagian daripada aplikasi mungkin berguna apabila melaksanakan amalan berjaga-jaga (penanaman sedia ada Fasa 3 dan 4). Satu lagi kelebihan ialah ahli baharu atau ahli yang memutuskan untuk membuat pengembangan boleh ditambahkan ke aplikasi dan papan pemuka web dengan mudah.

## Bahagian 1: Latar belakang

Kos dan logistik menghalang pekebun kecil dan petani daripada mendapat pensijilan sebagai individu. Untuk mengatasi halangan ini, RSPO telah membangunkan prosedur khusus untuk pensijilan pekebun kecil yang dianjurkan di peringkat persatuan, koperasi atau jenis kumpulan-kumpulan lain. Kumpulan boleh terdiri daripada pekebun kecil bebas (anjuran sendiri atau secara berkumpulan dan disokong oleh NGO atau pihak ketiga yang lain) yang berhasrat untuk diperakui menerusi Standard Pekebun Kecil Bebas (ISH) RSPO 2019<sup>1</sup>, atau kumpulan pekebun kecil yang mengaplikasikan keperluan Prosedur Penanaman Baharu (NPP) RSPO 2021.

Untuk mendapatkan pensijilan, penanam mesti mematuhi Prinsip dan Kriteria (P&C) RSPO. Memenuhi keperluan yang berkaitan dengan pengekal Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) telah terbukti amat mencabar. Pendekatan amalan berjaga-jaga yang digariskan dalam dokumen ini membentuk satu set prosedur yang dipermudahkan tetapi kukuh untuk mengenal pasti, mengurus dan memantau HCV di dalam ladang, direka untuk membolehkan pekebun kecil mematuhi Kriteria 7.12 (P&C RSPO 2018) dan Kriteria 4.1 (Piawaian ISH RSPO 2019).

**Kriteria 7.12 (P&C RSPO 2018):** *Pembukaan tanah tidak menyebabkan penebangan hutan atau merosakkan mana-mana kawasan yang diperlukan untuk melindungi atau meningkatkan Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) atau hutan Stok Karbon Tinggi (HCS). HCV dan hutan HCS di kawasan terurus itu telah dikenal pasti dan dilindungi atau dipertingkatkan.*

**Kriteria 4.1 (Standard ISH RSPO 2019):** *Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) di plot pekebun kecil atau dalam kawasan terurus dan hutan Stok Karbon Tinggi (HCS) yang dikenal pasti selepas November 2019 dengan menggunakan pendekatan gabungan HCV-HCS yang dipermudahkan, diuruskan untuk memastikan ia dikekalkan dan/atau dipertingkatkan.*

Pelaksanaan (mengikut dokumen panduan ini) menganggap bahawa sesebuah kumpulan pekebun kecil yang teratur wujud, atau satu kumpulan sedang disusun selaras dengan keperluan RSPO untuk pensijilan. Pengurus kumpulan memainkan peranan penting dalam proses tersebut, dan memerlukan:

- Keupayaan untuk mengendalikan sistem yang berkesan untuk pengurusan dan membuat keputusan.
- Kemahiran untuk mendekati dan berkomunikasi dengan ahli-ahli kumpulan dalam pertuturan dan penulisan dan menganjurkan latihan jika perlu.
- Keupayaan untuk melawat ahli-ahli kumpulan dan memantau pematuhan mereka dengan piawaian RSPO.

Memandangkan kawasan HCV akan didapati tidak sekata merentasi ladang-ladang ahli kumpulan, kos pengurusan (dan khususnya pengelakan pembukaan tanah) mungkin tidak akan sama jatuh ke atas setiap ahli. Pengurus kumpulan mesti bekerjasama dengan ahli untuk membuat suatu perjanjian tentang cara kos pengurusan dan pemantauan dikongsi di kalangan ahli-ahli. Kumpulan pekebun kecil bebas yang melaksanakan pendekatan amalan berjaga-jaga boleh memohon bantuan daripada Dana Pembangunan Pekebun Kecil RSPO.

<sup>1</sup> Aplikasi HCV telah dibangunkan sebelum ini untuk membantu kumpulan pekebun kecil bebas (ISH) melaksanakan penilaian HCV untuk pematuhan terhadap keperluan HCV P&C 2013. Dengan penggunaan Standard ISH RSPO 2019, kini aplikasi HCV ini digunakan sebagai sebahagian daripada langkah sementara sambil menunggu pembangunan pendekatan gabungan HCV-HCS yang dipermudahkan mengikut keperluan dalam Standard ISH RSPO 2019.

Pendekatan amalan berjaga-jaga, yang digariskan dalam dokumen ini, terpakai kepada kumpulan pekebun kecil bebas yang sedang menjalani pensijilan terhadap Standard Pekebun Kecil Bebas RSPO. Pengurus kumpulan pekebun kecil yang menjalani pensijilan terhadap P&C RSPO dikehendaki menangani Kriteria 7.12 menerusi penilaian HCV biasa sebagai sebahagian daripada tanggungjawab syarikat/kilang.

## Bahagian 2: Gambaran keseluruhan

---

**Pendekatan amalan berjaga-jaga direka untuk digunakan oleh pekebun kecil dalam konteks risiko rendah, yang** ditakrifkan di sini sebagai semua pemilikan tanah pekebun kecil yang mapan (sedia ada) **tanpa pembersihan baharu tumbuh-tumbuhan semula jadi untuk penanaman baharu**<sup>2</sup>. Dalam konteks sedemikian, HCV yang terdapat di tapak lapangan berkemungkinan besar telah hilang apabila tanah asalnya ditukar kepada penanaman. Skala operasi juga kecil mengikut definisi dan pematuhan terhadap amalan berjaga-jaga seperti yang digariskan dalam dokumen ini dan peruntukan-peruntukan lain dalam piawaian RSPO membantu mengurangkan ancaman terhadap tinggalan HCV yang masih ada. Oleh itu, amalan berjaga-jaga dianggap terpakai tanpa memerlukan penilaian risiko selanjutnya<sup>3</sup>.

Sama seperti penilaian HCV yang lebih formal, penerapan amalan berjaga-jaga bermula dengan pengskopan dan pengenalanpastian HCV yang berpotensi hadir dan yang terjejas. Perbezaannya ialah, daripada mengesahkan kehadiran atau ketiadaan HCV melalui penilaian di lapangan, nilai disahkan menerusi dialog dengan ahli kumpulan. Nilai yang tidak hadir secara muktamad diandaikan wujud selaras dengan prinsip berjaga-jaga.

Amalan berjaga-jaga penanaman sedia ada merupakan kesinambungan daripada pendekatan HCV yang dipermudahkan, dan dibina berdasarkan Fasa 1 dan 2 yang dirangkum dalam dokumen Pengenalan. Fasa 1 melibatkan komunikasi awal dengan ahli kumpulan tentang HCV, dan Fasa 2 melibatkan pendaftaran petani dalam aplikasi mudah alih dan menentukan sama ada prosedur penanaman sedia ada atau baharu akan digunakan. Dokumen ini menerangkan langkah-langkah dalam Fasa 3 dan 4 untuk penanaman kelapa sawit sedia ada:

- Fasa 3: Melengkapkan survei penanaman sedia ada untuk memetakan/mendaftar penanaman kelapa sawit sedia ada ahli, dan menggunakan papan pemuka untuk membuat senarai dan memetakan ladang-ladang ini.
- Fasa 4: Pelaksanaan amalan berjaga-jaga melalui langkah-langkah pengskopan, dialog dan pengesahan.

## Bahagian 3: Fasa 3 – Pengumpulan maklumat

---

Fasa 3 melibatkan pengumpulan maklumat lanjut tentang penanaman yang mapan/sedia ada, dan menjana senarai dan peta penanaman tersebut menggunakan papan pemuka.

### 3.1 Langkah 1: Lengkapkan survei lapangan penanaman sedia ada

Langkah ini mesti dilengkapkan untuk semua ahli dalam kumpulan yang mempunyai penanaman kelapa sawit sedia ada, sama ada oleh pengurus kumpulan atau wakil yang dilantik / 'ketua petani' (pengurus kumpulan atau wakil yang dilantik / 'ketua petani' akan dirujuk sebagai 'anda' dalam dokumen ini). Survei

---

<sup>2</sup> Penanaman baharu yang telah wujud sejak November 2005 tanpa penilaian HCV terlebih dahulu juga perlu mematuhi keperluan RSPO mengenai analisis perubahan guna tanah dan prosedur untuk pemulihan dan pampasan.

<sup>3</sup> Untuk mengenal pasti intensity pengauditan yang sesuai lebih daripada apa yang diperlukan oleh prosedur pensijilan kumpulan RSPO– lihat Bahagian 4.2.

lapangan penanaman sedia ada boleh menjadi kesinambungan daripada lawatan tapak yang dimulakan pada Fasa 2, atau ia boleh diselesaikan secara berasingan di kemudian hari.

Untuk setiap plot yang sedia ada pokok sawit, satu (1) survei penanaman sedia ada mesti dilengkapkan dalam aplikasi. Satu plot ditakrifkan sebagai satu (1) blok tanah yang tidak putus-putus. Seorang petani mungkin memiliki beberapa plot, contohnya jika seorang petani memiliki tiga (3) plot tanah berasingan yang ditanam dengan pokok sawit, survei itu perlu dilengkapkan tiga (3) kali. Sekiranya plot-plot tersebut terletak agak rapat, anda boleh melengkapkan survei itu sekali.

Untuk memulakan survei bagi setiap plot dengan pokok sawit sedia ada, buka aplikasi mudah alih dan log masuk. Kemudian, ketik 'Mulakan Survei', pilih petani yang berkenaan, pilih 'Survei Penanaman Sedia Ada' dan ketik 'Seterusnya'. Sekarang teruskan untuk menjawab soalan-soalan dalam aplikasi.

## Kotak 2

- Ambil perhatian bahawa survei penanaman sedia ada BUKAN bertujuan untuk mengenal pasti HCV.
- Tujuan survei adalah untuk memetakan tanah dan mengumpul maklumat awal tentang status pemilikan dan tahun penanaman.
- Pengenalpastian HCV yang berkemungkinan hadir dilakukan semasa penanaman sedia ada di Fasa 4.

Sekarang, anda telah menyelesaikan Langkah 1, termasuk semua pengumpulan data lapangan yang diperlukan. Pastikan anda mengetik 'Simpan' selepas melengkapkan survei aplikasi untuk setiap ahli kumpulan.

Jika anda mempunyai akses kepada internet atau isyarat mudah alih yang baik di lapangan, anda boleh memuat naik survei yang lengkap ke papan pemuka dengan mengklik pada butang 'Hantar Survei'. Sekiranya anda tidak mempunyai akses kepada internet atau isyarat mudah alih yang baik, teruskan ke Langkah 2.

### 3.2 Langkah 2: Muat naik data ke papan pemuka

Sekarang, anda boleh memuat naik data daripada semua survei lapangan yang lengkap ke papan pemuka. Peranti anda mesti mempunyai isyarat mudah alih yang baik atau disambungkan ke internet untuk melengkapkan langkah ini; ia akan menghantar survei secara automatik apabila terdapat sambungan yang cukup kuat.



**Awat:** Memuat naik data daripada survei menggunakan data mudah alih mungkin dikenakan bayaran atau menghabiskan elaun data anda.

Untuk memastikan survei yang lengkap telah dihantar, anda boleh menavigasi ke laman utama aplikasi, ketik pada 'Survei Lapangan Terkini', kemudian ketik pada setiap petani untuk melihat sama ada terdapat sebarang 'Draf'. Jika tiada, maka survei tersebut sepatutnya telah dihantar.

### 3.3 Langkah 3: Muat turun senarai petani dan peta dari papan pemuka

Langkah ini perlu diselesaikan oleh pengurus kumpulan.

Sekarang, anda boleh menyemak data lapangan agregat dan memuat turun laporan ringkasan (termasuk peta) dan *shapefile* semua plot. Ini dilakukan dengan menggunakan 'papan pemuka'. Kami mengesyorkan bertukar daripada peranti mudah alih/tablet anda kepada komputer riba atau komputer kerana lebih mudah untuk melihat maklumat papan pemuka pada skrin yang lebih besar (tidak penting). Langkah-langkahnya adalah seperti berikut:

1. Buka pelayar web dan pergi ke pautan: <https://rspo-hcv.alphapod.com/dashboard/login>



2. Log masuk ke papan muka dengan nama pengguna dan kata laluan yang sama yang digunakan sebelum ini
3. Setelah log masuk, semua data survei yang dikumpul di lapangan (data penanaman sedia ada dan baharu) boleh dilihat di 'laman utama'. Untuk penanaman sedia ada Fasa 3, anda hanya perlu melihat laman 'Urus Survei Penanaman Sedia Ada'.
4. Eksport laporan penanaman sedia ada atau *shapefile* dengan memilih julat tarikh survei untuk dieksport dan kemudian mengklik sama ada 'Eksport Laporan Penanaman Sedia Ada' atau 'Eksport Shapefile Penanaman Sedia Ada'.

Laporan yang dieksport termasuk senarai dan peta semua plot penanaman sedia ada yang dipetakan, nama petani, bukti pemilikan tanah (jika berkenaan) dan maklumat tentang tahun penanaman. Maklumat ini mungkin berguna semasa proses pensijilan.

## Bahagian 4: Fasa 4 – Amalan berjaga-jaga

Fasa 4 ialah pelaksanaan sebenar amalan berjaga-jaga, yang akan dimulakan selepas Fasa 3 selesai.

### 4.1 Langkah 1: Pengskopan

#### 4.1.1. Kenal pasti landskap pekebun kecil

Prosedur asas pensijilan kumpulan RSPO memerlukan pengurus kumpulan mengenal pasti kawasan geografi yang diliputi oleh ahli kumpulan, dan menyenaraikan nama, lokasi, saiz pegangan dan unjuran pengeluaran tandan buah segar (FFB) setiap ahli kumpulan. Data ini juga penting untuk merancang mesyuarat kumpulan dan aktiviti jangkauan lain yang berkaitan dengan HCV, serta untuk pemantauan yang cekap. Pengurus kumpulan dikehendaki mendokumenkan hakmilik tanah dan/atau hak untuk menggunakan tanah bagi semua ahli.

Pengskopan tambahan adalah berguna untuk melaksanakan amalan berjaga-jaga termasuk pengenalpastian komuniti yang mungkin mempunyai hak penggunaan atau tuntutan yang bertindih dengan ahli kumpulan.

Pengurus kumpulan juga disyorkan untuk mengenal pasti kilang-kilang di kawasan itu, entiti utama dan organisasi yang mempunyai kepentingan yang sah dalam pengurusan HCV (contohnya, pihak berkuasa tempatan, Perkhidmatan Hutan, Renjer Kawasan Terlindung dan NGO).

Pengurus kumpulan juga harus membiasakan diri dengan ciri-ciri dan sifat-sifat landskap yang lebih luas yang boleh memberi kesan kepada kewujudan, pengurusan dan penyelenggaraan HCV, seperti kawasan terlindung dan baki kawasan hutan yang lebih besar dan ekosistem semula jadi yang lain.

#### 4.1.2 Kenal pasti perkhidmatan ekosistem dan sumber asas

Sediakan maklumat latar belakang dan bahan-bahan untuk perbincangan dengan ahli kumpulan tentang perkhidmatan ekosistem dan sumber asas (HCV 4-6) yang berpotensi terjejas oleh aktiviti pekebun kecil.

**Nota:** Anda boleh menggunakan laporan, peta dan *shapefile* yang dihasilkan dalam Fasa 3 untuk Fasa 4; dokumentasi ini perlu dibentangkan semasa proses pensijilan.

Penunjuk	Tidak	Ya
a) Air sungai atau tasik penting untuk diminum/membasuh/memancing?		
b) Kehadiran tanah lembap atau kawasan tanah gambut yang tidak disalurkan <sup>4</sup> ?		
c) Kehadiran cerun curam <sup>5</sup> ?		
d) Pertanian kekal atau pindah penting untuk mata pencarian?		
e) Produk <sup>6</sup> dari hutan/padang rumput/tanah lembap penting untuk sumber mata pencarian?		
f) Tapak atau sumber yang mempunyai kepentingan budaya atau rohani?		

Gunakan dahulu senarai semak di atas untuk membantu mengenal pasti perkhidmatan ekosistem dan sumber asas yang mungkin bernilai kepada pekebun kecil (dan orang lain yang tinggal di landskap itu). Bersedia untuk membincangkan:

- Manakah antara nilai ini penting
- Mengapa ia penting
- Apakah aktiviti-aktiviti yang boleh mengancam nilai-nilai ini
- Apakah yang boleh dilakukan oleh pekebun kecil untuk mengelakkan atau mengurangkan ancaman tersebut

#### 4.1.3 Kenal pasti spesies tumpuan

Kenal pasti spesies yang dilindungi negara dan lain-lain spesies Senarai Merah IUCN yang jarang ditemui, dalam bahaya atau terancam (RTE) (berpotensi HCV 1 dan 3) yang diketahui wujud di rantau ini. Daripada senarai ini, pilih subset 10-15 spesies tumpuan (atau kumpulan spesies yang berkaitan) yang:

- Boleh ditemui di ladang kelapa sawit pekebun kecil atau landskap dengan mozek kelapa sawit dan tumbuh-tumbuhan semula jadi.
- Mungkin terjejas secara negatif oleh aktiviti pekebun kecil.
- Pekebun kecil sudah biasa dan tahu cara untuk mengenal pasti.

Spesies tumpuan boleh merupakan mamalia, burung dan reptilia ikonik yang bergerak melalui kawasan ladang kelapa sawit atau menggunakan kawasan tersebut sebagai sebahagian daripada landskap yang lebih besar. Di samping itu, kemungkinan juga terdapat ikan atau haiwan akuatik lain yang sensitif kepada pengelodakan sungai atau kebocoran racun perosak.

Kenal pasti ancaman yang paling mungkin berlaku kepada spesies ini, dan langkah-langkah yang berpotensi untuk mengelakkan, meminimumkan atau mengurangkan ancaman itu. Sediakan gambar spesies tumpuan yang dicadangkan berserta dengan nama biasa dalam bahasa tempatan.

<sup>4</sup> Di sini penekanan adalah pada peranan tanah lembap dalam mengawal aliran air dan mengurangkan eutrofikasi, pengelodakan, dan lain-lain.

<sup>5</sup> Harus dikenal pasti untuk menggambarkan risiko hakisan tanah dan/atau lumpur atau tanah runtuh jika tiada tumbuh-tumbuhan yang menstabilkan.

<sup>6</sup> Buruan, ikan, kacang, tumbuhan ubatan, dan lain-lain.

Spesies Tumpuan/Kumpulan	Ancaman
a)	
b)	
c)	
d)	
e)...	

## 4.2 Langkah 2: Dialog



### *Adakah anda datang ke sini dari proses penanaman baharu Fasa 3?*

*Jika ya, akan terdapat beberapa pertindihan antara langkah ini dan komunikasi awal yang telah anda lakukan untuk Fasa 1. Fasa 1 sepatutnya merangkumi kebanyakan Bahagian 4.2.1 dan 4.2.2 di bawah, jadi anda boleh meneruskan ke Bahagian 4.2.3. Di Bahagian 4.2.3-4.2.5, sebarang tindakan tambahan yang diperlukan untuk penanaman yang baharu dimulakan dikenal pasti sebagai panduan penanaman baharu tambahan.*

*Keperluan tambahan ini wujud kerana perlu menggunakan perlindungan yang lebih ketat untuk pembangunan baharu bagi mengelakkan kesan baharu ke atas ekosistem semula jadi atau nilai sosial. Secara perbandingan, penukaran/penanaman telah pun berlaku di penanaman sedia ada, dan oleh itu tumpuan diberikan kepada menguruskan penanaman sedia ada dengan cekap.*

### 4.2.1 Jemput ahli kumpulan ke mesyuarat

Jadualkan dan jemput ahli kumpulan ke mesyuarat. Objektifnya ialah, selepas mesyuarat ini, pekebun kecil akan mengetahui spesies RTE dan HCV yang mungkin terdapat di kawasan tersebut, dan bersetuju untuk melaksanakan satu set amalan berjaga-jaga yang ditetapkan untuk mengekalkan HCV yang wujud di situ. Bilangan peserta dalam setiap mesyuarat hendaklah dihadkan kepada 20-25 orang bagi menggalakkan penyertaan aktif. Pengurus kumpulan mungkin perlu mengadakan beberapa siri mesyuarat atau bengkel dengan subkumpulan pekebun kecil untuk mendekati semua ahli. Dalam situasi di mana terdapat terlalu ramai pekebun kecil untuk pengurus kumpulan berjumpa sendiri, pengurus kumpulan boleh mempertimbangkan untuk melatih satu subset ketua-ketua petani (contohnya satu atau dua orang dari setiap kampung) untuk menjalankan jangkauan (mesyuarat) yang lebih lanjut.

### 4.2.2 Tingkatkan kesedaran tentang pensijilan dan Nilai Pemuliharaan Tinggi<sup>7</sup>

Sebelum berbincang tentang HCV dan langkah-langkah untuk mengekalkannya, pekebun kecil perlu mempunyai pemahaman asas tentang RSPO dan konsep pensijilan. Apabila pengetahuan ini tidak ada, contohnya bila mana pelaksanaan Kriteria 7.12 (P&C 2018)/4.1 (Standard ISH 2019) adalah sebahagian daripada proses untuk menyusun pekebun kecil dan memohon sijil kumpulan, pensijilan harus menjadi perkara pertama dalam agenda mesyuarat dengan pekebun kecil.

<sup>7</sup> Maklumat lanjut tentang konsep HCV boleh didapati di laman web HCVN <https://www.hcvnetwork.org/>.

Memandangkan pensijilan RSPO masih tidak dikenali di kebanyakan rantau, terutamanya di luar Asia Tenggara, pengurus kumpulan harus berhati-hati untuk mengelak daripada menimbulkan jangkaan yang tidak realistik terhadap hasil yang dijana di pasaran (harga premium yang tidak berkemungkinan, sekurang-kurangnya tidak dalam jangka masa pendek), dan sebaliknya memberi tumpuan kepada faedah amalan yang baik pertanian kepada pekebun kecil dan persekitaran mereka. RSPO mempunyai bahan maklumat dan pembentangan yang mungkin boleh membantu. Pengurus kumpulan mungkin perlu memudahkan bahan-bahan ini dan menyesuaikan dengan konteks setempat, serta menterjemahkannya ke bahasa yang berkaitan.

Kriteria 7.12 (P&C 2018)/4.1 (Standard ISH 2019) memerlukan penanam kelapa sawit mengekalkan sebarang HCV yang mungkin terdapat di tanah mereka dan mereka juga membantu mengekalkan nilai-nilai ini di landskap sekeliling. Untuk berbuat demikian, pekebun kecil perlu memahami faedah yang timbul daripada nilai-nilai itu. Memahami kandungan adalah lebih penting daripada 'bungkusannya', dan tidak perlu formal atau berkeras untuk menggunakan istilah yang 'betul'. Secara praktiknya, HCV untuk pekebun kecil boleh ditakrifkan sebagai:

- Haiwan dan tumbuhan serta habitat mereka yang jarang ditemui dan mudah terjejas (HCV 1 dan 3)
- Air bersih, perlindungan lapisan atas tanah dan perlindungan terhadap tanah runtuh (HCV 4)
- Makanan dan sumber asas lain dari hutan dan ekosistem semula jadi yang lain (HCV 5)
- Tapak dan sumber yang mempunyai kepentingan budaya atau agama (HCV 6)

#### 4.2.3 Bincang perkhidmatan ekosistem dan sumber asas serta cara mengekalkannya

Bincang dan sahkan perkhidmatan ekosistem dan sumber asas yang dikenal pasti secara tentatif oleh pengurus kumpulan (Bahagian 4.1.2) dan cadangkan langkah-langkah untuk mengekalkannya. Kepentingan relatif HCV 5 dan 6 berbeza mengikut konteks dan sistem hak dan tempoh. Pada dasarnya, pekebun kecil mungkin dijangka mengekalkan HCV 5 dan 6 yang mereka hargai dan mendapat manfaat atas kepentingan diri sendiri - dalam keadaan ini tidak perlu ada peraturan lanjut.

#### Kotak 3: Panduan penanaman baharu tambahan

Untuk penanaman baharu, ahli-ahli dikehendaki mematuhi semua kawasan larangan HCV 4 yang dikenal pasti dalam laporan penanaman baharu. Ini termasuk maklumat tentang saiz kawasan larangan dan preskripsi untuk tidak menanam kelapa sawit. Sebarang amalan berjaga-jaga lain yang akan digunakan di kawasan larangan ini perlu dipersetujui, berdasarkan senarai di bawah – contoh: tiada penggunaan racun perosak dan baja, dan tiada pembuangan sisa.

Jika laporan penanaman baharu telah mengenal pasti sumber atau pertikaian HCV 5-6 yang berpotensi, sebahagian besar perkara ini sepatutnya telah diselesaikan semasa penanaman baharu Fasa 3. Walau bagaimanapun, adalah disyorkan untuk terus melakukan perundingan berkala antara pihak-pihak tersebut selepas pembangunan tanah itu, untuk mengelakkan pertikaian lanjut.

Amalan berjaga-jaga (PP) yang berikut ini direka bentuk untuk mengekalkan kawasan HCV 4 di mana ia berlaku. Secara amnya, terdapat banyak pertindihan dengan keperluan lain di standard RSPO dan dengan amalan pertanian yang baik. Formulasi (amalan berjaga-jaga ini) adalah generik dan peserta mesyuarat kumpulan harus digalakkan untuk mencadangkan perubahan, dan menambah lagi amalan berjaga-jaga jika perlu, supaya peraturan itu masuk akal dalam konteks setempat.

PP.1 Dilarang menggunakan racun perosak atau baja <sup>8</sup> berdekatan dengan (kurang daripada 20 m dari) sungai, kolam dan tasik.
PP.2 Dilarang membuang sisa atau kumbahan ke dalam sungai, kolam atau tasik.
PP.3 Kekalkan litupan tumbuh-tumbuhan berdekatan dengan sungai, kolam dan tasik pada setiap masa (tiada tanah terbuka).
PP.4 Memelihara paras air semulajadi ekosistem tanah (wetland) dan hutan paya gambut untuk mencegah pengeringan tanah.
PP.5 Kekalkan tumbuh-tumbuhan di cerun curam.
PP.6 Hormati hak penggunaan/akses tradisional orang lain.

Jadual tersebut mengandungi senarai amalan berjaga-jaga yang umum dalam format ringkas. Formulasi ‘dilarang’ sedemikian dijangka menjadi hasil akhir perbincangan dengan pekebun kecil dan bukannya titik permulaan yang disyorkan – niat di sebalik amalan berjaga-jaga adalah untuk mencapai hasil yang positif untuk manusia dan alam semula jadi.

#### 4.2.4 Bincang spesies tumpuan yang berpotensi hadir dan langkah-langkah untuk mengekalkannya

Bincang senarai spesies tumpuan yang berpotensi hadir yang dikenal pasti dalam Bahagian 4.1.3, dan sahkan kehadiran setiap spesies itu secara satu demi satu. Pernahkah petani melihat spesies itu atau mengetahui kehadiran mereka dengan cara lain? Sejauh manakah spesies tersebut jarang atau biasa dilihat? Bila dan di mana kali terakhir mereka dijumpai? Adakah terdapat spesies lain yang perlu ada dalam senarai tersebut? Mengapa melindungi mereka? Apakah ancaman utama (ke atas spesies ini)? Apa yang boleh dilakukan oleh pekebun kecil untuk meminimumkan ancaman ini?

Pengurus kumpulan harus bersedia untuk perbincangan ini dengan hujah-hujah yang kukuh untuk perlindungan dan pemuliharaan spesies. Sesetengah spesies melaksanakan fungsi yang (secara langsung atau tidak langsung) bermanfaat kepada manusia, seperti pendebungaan tanaman atau pemangsaan pada tikus dan pesaing lain – ini adalah yang mudah untuk dihujah. Spesies lain yang lebih ‘neutral’ mungkin melaksanakan fungsi ekosistem yang penting; hujah ini hanya sah jika kes yang jelas dapat dibuat. Dalam kes sedemikian, mungkin lebih baik untuk menunjukkan kewajipan undang-undang, kepentingan untuk ekonomi pelancongan, atau jika tiada rasional sedemikian, matlamat umum untuk mengekalkan warisan biodiversiti negara. Kemungkinan hujah yang paling sukar adalah tentang perlindungan spesies yang menyebabkan kehilangan ternakan, atau yang mendatangkan bahaya kepada orang ramai. Hujah-hujah sedemikian tidak mungkin meyakinkan melainkan langkah-langkah konkrit boleh diambil untuk meminimumkan atau mengurangkan konflik antara manusia dan hidupan liar.

Sebaik-baiknya, para peserta dalam mesyuarat mengenal pasti ancaman ke atas kemandirian spesies dan mencadangkan serta bersetuju tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk meminimumkan atau mengurangkan ancaman tersebut. Bandingkan cadangan ini dengan amalan berjaga-jaga generik yang digariskan di bawah dan ubah atau lengkapkan cadangan ini jika perlu.

<sup>8</sup> Selain daripada sungkupan/sisa penuaian.



PP.7 Dilarang memburu atau membunuh spesies tumpuan.

PP.8 Dilarang membeli, mengendalikan atau makan daging buruan dari spesies tumpuan.

PP.9 Dilarang mengumpul atau memerangkap spesies tumpuan atau menggunakan racun yang boleh menjejaskan mereka.

PP.10 Gunakan langkah-langkah penyelesaian konflik manusia-hidupan liar seperti yang dipersetujui dengan pengurus kumpulan.

PP.11 Dilarang menyekat akses<sup>9</sup> atau pergerakan haiwan liar (melebihi pagar ternakan yang diperlukan).

PP.12 Dilarang membersihkan tanah untuk sebarang penanaman baharu tanpa persetujuan pengurus kumpulan terlebih dahulu<sup>10</sup>.

#### Kotak 4: Panduan penanaman baharu tambahan

Untuk penanaman baharu, ahli dikehendaki mematuhi semua kawasan larangan HCV 1-3 yang dikenal pasti dalam laporan penanaman baharu. Adalah penting ahli-ahli tidak menanam pokok kelapa sawit di kawasan larangan tersebut atau menukarnya untuk kegunaan lain – tumbuh-tumbuhan semulajadi mesti dikekalkan. Ahli-ahli harus bersetuju dengan mana-mana amalan berjaga-jaga lain yang harus digunakan di kawasan larangan itu, berdasarkan senarai di bawah, dan langkah-langkah tambahan yang boleh dilakukan. Ini mungkin termasuk pemantauan sekali-sekala kawasan tersebut untuk memastikan orang lain tidak memburu, mengambil kayu atau membersihkan kawasan tersebut.

Ahli-ahli kumpulan mungkin kecewa jika sebahagian atau semua plot yang dicadang untuk diperluaskan adalah kawasan larangan. Untuk kes-kes ini, anda mesti mengingatkan mereka bahawa mereka mungkin tidak boleh mendapatkan pensijilan jika mereka membersihkan kawasan larangan. Sekiranya ahli tersebut mempunyai tanah lain yang tidak ada hutan atau tumbuh-tumbuhan semula jadi, anda boleh mencadangkan agar mereka mempertimbangkan untuk menanam pokok kelapa sawit di situ (selepas mengikuti prosedur HCV penanaman baharu untuk kawasan tersebut). Jika mereka tidak mempunyai tanah sedemikian, anda harus mempertimbangkan untuk menyokong mereka meningkatkan hasil pokok sawit sedia ada mereka yang sudah mapan. Anda juga boleh meminta nasihat RSPO tentang kemungkinan peluang pampasan untuk pekebun kecil yang melepaskan peluang pengembangan.

#### 4.2.5 Setuju pada senarai akhir amalan berjaga-jaga

Melawat semula, menyatukan dan bersetuju dengan hasil mesyuarat, termasuk senarai akhir spesies tumpuan, perkhidmatan ekosistem, dan amalan berjaga-jaga yang dipersetujui. Agar ini dapat dilaksanakan dengan mantap (seperti yang diperlukan untuk pensijilan), setiap pekebun kecil dalam kumpulan itu perlu tahu apa yang perlu dilakukan, bila dan mengapa. Berbincang dan bersetuju tentang sistem untuk pengesahan sendiri dan pemantauan untuk memastikan semua ahli kumpulan mematuhi peraturan (lihat di bawah).

Walaupun tanggungjawab pengurus kumpulan terhad untuk menghubungi dan menyokong pemegang sijil kumpulan, tujuan pensijilan kumpulan dan set amalan berjaga-jaga yang dipersetujui juga harus dimaklumkan kepada petani bukan ahli yang lain jika boleh. Ini akan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan amalan yang lebih baik di peringkat landskap dan membantu

<sup>9</sup> Melangkaui langkah yang dipersetujui untuk meminimumkan konflik manusia-hidupan liar.

<sup>10</sup> Pembersihan sedemikian ditangani oleh Kriteria 7.12.1 dan berada di luar skop dokumen ini. Walaupun pada dasarnya tidak diperlukan, PP.12 disertakan di sini untuk memastikan pekebun kecil menyedari sekatan ini.

meminimumkan pergeseran antara ahli kumpulan dan bukan ahli. Di samping itu, jangkauan yang lebih luas juga mungkin menggalakkan lebih ramai petani menyertai kumpulan itu.

### 4.3 Langkah 3: Pengesahan dan pemantauan

Pematuhan terhadap amalan berjaga-jaga dinilai melalui gabungan sistem pengesahan sendiri pekebun kecil yang mudah, audit pengawasan pematuhan oleh pengurus kumpulan dan audit badan pensijilan pihak ketiga.

#### 4.3.1 Pengesahan sendiri pekebun kecil

Komponen pengesahan asas ialah pengesahan sendiri oleh ahli kumpulan. Pekebun kecil sendiri secara kerap (iaitu bulanan atau suku tahunan) perlu merait setiap pematuhan amalan berjaga-jaga yang dipersetujui pada senarai semak yang disediakan oleh pengurus kumpulan (senarai itu mungkin berdasarkan gambar atau simbol dalam kes celik huruf rendah). Senarai semak juga harus mengandungi templat mudah untuk melaporkan pemerhatian spesies tumpuan, dan untuk merekod ancaman terhadap spesies tumpuan dan perkhidmatan ekosistem.

#### 4.3.2 Pengawasan oleh pengurus kumpulan

Pengurus kumpulan bertanggungjawab untuk mengesahkan ketepatan dokumentasi sendiri pekebun kecil melalui lawatan ladang. Program pengawasan ini harus menjadi sebahagian daripada Sistem Kawalan Dalaman yang diperlukan untuk pensijilan kumpulan RSPO, dan harus memasukkan protokol untuk mengaudit pematuhan petani terhadap amalan berjaga-jaga.

Pengurus kumpulan hendaklah mengenal pasti intensiti awal pengauditan berdasarkan kriteria penilaian risiko yang digariskan dalam prosedur pensijilan kumpulan RSPO. Penunjuk risiko yang lebih tinggi mendorong pengawasan yang lebih intensif termasuk perkadaran tinggi ahli baharu, kepelbagaian ahli kumpulan yang tinggi, perkadaran tinggi bukan ahli kumpulan dalam landskap, persaingan untuk mendapatkan bekalan daripada kilang yang tidak diperakui, dan kawasan penting yang masih terdapat tumbuh-tumbuhan semula jadi di landskap. Sekiranya mana-mana penunjuk risiko ini hadir, dokumentasi dan pemantauan perlu disediakan untuk memastikan setiap pekebun kecil tidak menghantar lebih banyak tandan buah segar (FFB) daripada yang sepadan dengan kawasan dan produktiviti ladang tersebut (supaya hasil tidak disalurkan daripada perluasan yang tidak dibenarkan atau daripada petani yang bukan ahli kumpulan).

Pengurus kumpulan disyorkan untuk memulakan pengauditan sebaik sahaja petani mula mengisi protokol pengesahan sendiri mereka, supaya ketidakpatuhan dapat dikesan dan ditangani pada peringkat awal. Walau bagaimanapun, perubahan adalah satu proses, dan tingkah laku baharu mungkin tidak dapat diwujudkan dalam sekelip mata. Oleh itu, audit awal boleh dianggap sebagai peluang untuk mendidik dan melatih petani yang tidak patuh, serta mengawal pematuhan.

Intensiti pengauditan (kekerapan pensampelan) dan fokus pengawasan harus diselaraskan dari semasa ke semasa untuk mencerminkan tahap pematuhan yang diperhatikan. Jika terdapat ketidakpatuhan yang ketara, mesyuarat kumpulan susulan mungkin diperlukan untuk menerangkan dan mengingatkan ahli tentang komitmen mereka dan akibat ketidakpatuhan yang berterusan. Apabila pengauditan oleh pengurus kumpulan menyebabkan pergeseran yang menjejaskan hubungan atau interaksi lain dengan ahli kumpulan, audit boleh diwakilkan kepada pihak lain yang kompeten, selagi tanggungjawab muktamad kekal dengan pengurus kumpulan.

#### Kotak 5: Panduan penanaman baharu tambahan

Untuk kawasan larangan HCV 1-3 dan HCV 4 yang dikenal pasti dalam laporan penanaman baharu, anda mungkin perlu menggunakan pengawasan yang lebih intensif kerana kawasan-kawasan ini mungkin menghadapi ancaman penukaran atau pemburuan oleh orang-orang lain yang lebih teruk.

Anda (pengurus kumpulan) mungkin perlu memberikan sokongan tambahan kepada ahli-ahli yang mempunyai kawasan larangan yang besar di tanah mereka.

Aplikasi mudah alih atau metodologi lain yang boleh membantu memantau penukaran atau perubahan dari semasa ke semasa boleh digunakan untuk tujuan ini. Contohnya termasuk:

1. Alat seperti aplikasi mudah alih 'Forest Watcher', yang dibina oleh Global Forest Watch, boleh digunakan untuk memantau penebangan hutan atau kebakaran di kawasan larangan dengan mudah. Ia boleh diakses di sini:  
<http://forestwatcher.globalforestwatch.org/>
2. Alat Penilaian Integriti Hutan (FIA) merupakan cara mudah untuk memantau perubahan dalam kualiti hutan dari semasa ke semasa. Ia boleh diakses di sini:  
<https://www.hcvnetwork.org/library/forest-integrity-assessment-tool-fiat-manual>

Pengawasan untuk Kawasan-kawasan Larangan ini harus memastikan kawasan tersebut kekal utuh, dengan tumbuh-tumbuhan tutupbumi semula jadi.

#### 4.3.3 Menilai hasil pemantauan dan mengambil tindakan jika perlu

Keperluan asas bagi pengawasan yang baik ialah dokumentasi keputusan yang berkualiti – ini juga perlu untuk menunjukkan pelaksanaan yang berkesan kepada juruaudit pensijilan. Walau bagaimanapun, pengawasan dan pemantauan hanya bermakna jika keputusan dinilai secara berkala dan langkah-langkah diambil untuk menangani masalah yang dikenal pasti. Isyarat tindak balas adaptif yang berjaya ialah peningkatan yang ketara disertai dengan pengawasan dan pemantauan selanjutnya.

The RSPO is an international non-profit organisation formed in 2004 with the objective to promote the growth and use of sustainable oil palm products through credible global standards and engagement of stakeholders.

[www.rspo.org](http://www.rspo.org)



**Roundtable on Sustainable Palm Oil**

Unit 13A-1, Level 13A, Menara Etiqa,  
No 3, Jalan Bangsar Utama 1,  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia

**T** +603 2302 1500

**F** +603 2302 1543

**Other Offices:**

Jakarta, Indonesia  
London, United Kingdom  
Beijing, China  
Bogota, Colombia  
New York, USA  
Zoetermeer, Netherlands

 [rspo@rspo.org](mailto:rspo@rspo.org)

 [www.rspo.org](http://www.rspo.org)